



KERAJAAN SERI PADUKA BAGINDA

MALAYSIA

SURAT PEKELILING PERKHIDMATAN BIL. 1 TAHUN 1996

KAEDAH PELARASAN DAN PERGERAKAN GAJI BAGI ANGGOTA YANG DINAIKKAN PANGKAT SECARA DIKEBELAKANGKAN DI BAWAH SISTEM SARAAAN BARU

TUJUAN

1. Surat Pekeliling Perkhidmatan ini bertujuan untuk memaklumkan kaedah pelarasan gaji bagi anggota yang dinaikkan pangkat yang berkuatkuasa sebelum atau selepas tarikh pergerakan gaji atas gred jawatan lamanya dalam sesuatu tahun kalendar dan seterusnya menetapkan cara pergerakan gaji pada tarikh pergerakan gaji berikutnya di atas gred jawatan kenaikan pangkat di bawah Sistem Saraan Baru.

LATAR BELAKANG

2. Kaedah penetapan gaji permulaan bagi anggota-anggota yang dinaikkan pangkat di bawah Sistem Saraan Baru adalah seperti yang ditetapkan oleh surat JPA(S)81/16/3-1 Klt.2/(17) bertarikh 7 Januari 1994 seperti di [Lampiran 'A'](#). Walau bagaimanapun ianya tidak dapat menampung masalah di kalangan anggota yang dinaikkan pangkat lebih awal daripada tarikh pergerakan gaji gred jawatan lama, yang menyebabkan mereka menerima gaji kurang daripada anggota yang dinaikkan pangkat selepas tarikh pergerakan gaji, sedangkan mereka berada di atas gred, matagaji dan tarikh pergerakan gaji yang sama sebelumnya. Masalah ini lebih jelas dengan melihat contoh di [Lampiran 'B'](#).

KAEDAH PELARASAN GAJI DAN CARA PERGERAKAN GAJI KENAIKAN PANGKAT

3. Untuk menangani keadaan tersebut, telah diputuskan supaya gaji anggota yang dinaikkan pangkat mulai berkuatkuasanya Sistem Saraan Baru (1 Januari 1992) sama ada secara dikebelakangan atau tidak, hendaklah ditetapkan mengikut kaedah seperti berikut:

- (i) Gaji anggota yang dinaikkan pangkat pada tarikh yang lebih awal daripada tarikh pergerakan gaji atas gred jawatan lamanya dalam sesuatu tahun kalendar tanpa mengira sama ada anggota berkenaan sempat atau tidak sempat menerima pergerakan gaji atas gred jawatan lamanya, adalah diselaraskan dengan cara mengawalkan (mempercepatkan) apa-apa cara pergerakan gaji dalam gred jawatan lama anggota berkenaan kepada tarikh beliau dinaikkan pangkat, dan selepas itu anggota diberi penetapan gaji permulaan mengikut prinsip yang dinyatakan dalam surat JPA di [Lampiran 'A'](#). Walau bagaimanapun pergerakan gaji yang diawalkan tidak boleh dipertimbangkan kepada anggota yang pada tarikh kenaikan pangkatnya berada di matagaji maksimum mengikut peringkat (P) masing-masing yang diluluskan pergerakan gaji mendatar oleh Panel Penyelarasan Penilaian Prestasi dan Pergerakan Gaji (PPG) atas jawatan lamanya. Contoh pelarasan gaji dan cara pergerakan gaji kenaikan pangkat bagi kes-kes ini seperti di [Lampiran 'C1'](#), ['C2'](#) dan ['C3'](#).
- (ii) Bagi anggota yang dinaikkan pangkat berkuatkuasa selepas tarikh pergerakan gaji atas gred jawatan lamanya dalam sesuatu tahun kalendar, tiada pergerakan gaji yang diawalkan kepada tarikh kenaikan pangkatnya. Dalam keadaan selepas diberi penetapan gaji permulaan mengikut prinsip di [Lampiran 'A'](#) jika jumlah gaji atas jawatan lamanya

lebih tinggi daripada gaji gred jawatan kenaikan pangkatnya, anggota dibenarkan terus menerima gaji tersebut secara Khas Untuk Penyanggah (KUP) sehingga diberi apa-apa cara pergerakan gaji yang diputuskan oleh PPG atas jawatan lamanya pada tarikh pergerakan gaji jawatan kenaikan pangkatnya. Penerimaan gaji secara KUP ini tidak menghalang kelayakan anggota daripada menerima segala imbuhan dan kemudahan atas gred jawatan kenaikan pangkatnya. Contoh pelarasan gaji dan cara pergerakan gaji kenaikan pangkat bagi kes ini seperti di [Lampiran 'D'](#).

- (iii) Tertakluk kepada kaedah di perenggan 3(i) atau 3(ii), sekiranya tarikh kenaikan pangkat dikebelakang melibatkan dua kali atau lebih pergerakan gaji di atas gred jawatan lama, pergerakan gaji pada tarikh pergerakan gaji yang berikutnya di atas gred jawatan kenaikan pangkat, hendaklah diberi mengikut apa-apa cara pergerakan gaji yang diputuskan oleh PPG atas gred jawatan lamanya bagi tahun berkenaan. Contoh pelarasan gaji dan cara pergerakan gaji kenaikan pangkat bagi kes ini seperti di [Lampiran 'E'](#).

TINDAKAN KETUA JABATAN

4. Ketua Jabatan hendaklah menyemak semula kaedah pelarasan gaji dan cara pergerakan gaji kenaikan pangkat anggota yang terlibat dan membuat pelarasan sewajarnya.

PENGECUALIAN

5. Kaedah ini tidak terpakai bagi perlantikan melalui Kenaikan Pangkat Secara Lantikan (KPSL), perlantikan semula, pertukaran perkhidmatan, pertukaran tetap dan sebarang perubahan skim perkhidmatan.

TARIKH KUATKUASA

6. Tarikh kuatkuasa Surat Pekeliling Perkhidmatan ini ialah mulai 1 Januari 1992.

Sekian, terima kasih.

"BERKHIDMAT UNTUK NEGARA"

Saya yang menurut perintah,



DATO' DR. MUHAMMAD RAIS BIN ABDUL KARIM,
Timbalan Ketua Pengarah Perkhidmatan Awam II,
b.p. Ketua Pengarah Perkhidmatan Awam
Malaysia

Tarikh : 1 April 1996

Edaran Kepada:

Semua Ketua Setiausaha Kementerian

Semua Ketua Jabatan Persekutuan

Semua Pentadbiran Setiausaha Kerajaan Negeri

Semua Ketua Pengurusan Badan-Badan Berkanun

Semua Ketua Pengurusan Kuasa-Kuasa Tempatan

7 Januari 1994

Semua Ketua Setiausaha Kementerian

Semua Ketua Jabatan Persekutuan

Semua Pentadbiran Setiausaha Kerajaan Negeri

Semua Ketua Pengurusan Badan-Badan Berkanun

Semua Ketua Pengurusan Kuasa-Kuasa Tempatan

Tuan,

KAEDAH PENETAPAN GAJI KENAIKAN PANGKAT

TUJUAN

1. Pekeliling ini bertujuan untuk memaklumkan mengenai kaedah pelaksanaan penetapan gaji kenaikan pangkat bagi semua jawatan dalam perkhidmatan awam.

LATAR BELAKANG

2. Di bawah skim gaji [Laporan Jawatankuasa Kabinet \(JKK\)](#), gaji dalam gred-gred kenaikan pangkat tidak banyak yang bertindih dengan gaji-gaji maksima bagi jawatan yang lebih rendah. Oleh itu apabila dinaikkan pangkat atau semasa memangku, penetapan gaji dapat diselaraskan dengan mudah.
3. Di bawah skim gaji Sistem Saraan Baru (SSB), disebabkan oleh bentuk gaji matriks yang digunakan dan juga kadar perubahan gaji yang tidak sama (bagi pergerakan gaji secara mendatar, menegak dan melintang), telah berlaku pertindihan gaji yang mengakibatkan perbezaan yang ketara di mana terdapat kes penyelarasan gaji kenaikan pangkat jumlahnya kurang daripada nilai satu pergerakan gaji.

KAEDAH PELAKSANAAN

4. Bagi mengatasi kesulitan dan ketidakseimbangan ini, maka dengan ini telah dibuat ketetapan seperti berikut:

- (1) Gaji bagi seseorang pegawai yang telah dinaikkan pangkat hendaklah ditetapkan dengan cara yang berikut:
 - (a) tertakluk kepada perenggan (c), jika gaji akhir dalam gred jawatan lamanya adalah lebih rendah daripada gaji permulaan dalam gred jawatan kenaikan pangkatnya itu, dia akan menerima gaji permulaan dalam gred jawatan barunya;
 - (b) tertakluk kepada perenggan (c), jika gaji akhir dalam gred jawatan lamanya adalah sama atau lebih tinggi daripada gaji permulaan dalam gred jawatan kenaikan pangkatnya, dia akan menerima gaji di matagaji yang tinggi berhampiran dengan gaji akhir dalam gred jawatan lamanya itu; atau
 - (c) jika gaji yang ditetapkan mengikut prinsip di perenggan (a) atau (b), jumlahnya kurang daripada satu pergerakan gaji secara mendatar dalam jawatan lamanya, gaji permulaan pegawai itu hendaklah ditetapkan pada satu lagi matagaji lebih tinggi yang berhampiran dalam jawatan kenaikan pangkatnya itu.
- (2) Penetapan gaji permulaan bagi seseorang pegawai yang dinaikkan pangkat pada tarikh yang sama dengan tarikh pergerakan gaji dalam gred jawatan lamanya, hendaklah dibuat mengikut peraturan (1) dengan terlebih dahulu memberikan pegawai itu pergerakan gaji tahunan, jika dia berkecukupan, dalam gred jawatan lamanya.

TARIKH KUATKUASA

5. Kaedah yang dinyatakan dalam Pekeliling ini berkuatkuasa mulai 1 Januari 1992.

Sekian, terima kasih.

"BERKHIDMAT UNTUK NEGARA"

Saya yang menurut perintah,

t.t.

MOHD ALI BIN HASAN,
Timbalan Ketua Pengarah Perkhidmatan Awam II
b.p. Ketua Pengarah Perkhidmatan Awam,
MALAYSIA

LAMPIRAN 'B'

Contoh anggota yang dinaikkan pangkat sebelum tarikh pergerakan gaji atas gred jawatan lama yang menyebabkan mereka menerima gaji yang kurang daripada anggota yang dinaikkan pangkat selepas tarikh pergerakan gaji, walhal gred jawatan, jumlah gaji dan tarikh pergerakan gaji sebelumnya adalah sama.

	<i>Anggota A</i>	<i>Anggota B</i>
Tarikh pergerakan gaji jawatan gred W2	: 1 April	1 April
Tarikh kenaikan pangkat ke gred W1	: 1 Mac 1993	1 Ogos 1993
Tarikh surat kenaikan pangkat ke gred W1	: 1 Disember 1993	1 Disember 1993

<i>Tarikh</i>	<i>Gred W2 (A & B)</i>	<i>Gred W1</i>		<i>Catatan</i>
		<i>Anggota A</i>	<i>Anggota B</i>	
1-4-1992	3,450 (P1T4)			Pergerakan gaji mendatar anggota A dan anggota B.
1-3-1993	3,450 (P1T4)	3,597 (P1T1)		Tarikh anggota A dinaikkan pangkat ke Gred W1. Penetapan gaji mengikut surat JPA di Lampiran 'A' .
1-4-1993	3,597 (P1T5)			Pergerakan gaji mendatar anggota B atas Gred W2.
1-8-1993	3,597 (P1T5)	3,597 (P1T1)	3,744 (P1T2)	Tarikh anggota B dinaikkan pangkat ke Gred W1. Pelarasan gaji mengikut surat JPA di Lampiran 'A' .
1-12-	3,597	3,597	3,744	Tarikh surat naik pangkat

1993	(P1T5)	(P1T1)	(P1T2)	anggota A dan B dikeluarkan. Kenaikan pangkat anggota A dikebelakangkan pada 1-3-1993 dan anggota B pada 1-8-1993.
1-1-1994		3,744 (P1T2) (sekiranya mendatar)	3,744 (P1T2)	Tarikh pergerakan gaji anggota A atas Gred W1. Layak dipertimbangkan salah satu daripada 4 cara pergerakan gaji
1-7-1994			3,908 (PIT3) (sekiranya mendatar)	Tarikh pergerakan gaji anggota B atas Gred W1. Layak dipertimbangkan salah satu daripada 4 cara pergerakan gaji

LAMPIRAN 'C1'

Contoh kaedah pelarasan gaji dan cara pergerakan gaji kenaikan pangkat anggota yang sempat menerima pergerakan gaji atas gred jawatan lamanya.

Tarikh pergerakan gaji jawatan : 1 Julai
gred M3

Tarikh kenaikan pangkat ke : 1 September
gred M2 1993

Tarikh surat kenaikan pangkat : 15 November
ke gred M2 1993

<i>Tarikh</i>	<i>Gred M3</i>	<i>Gred M2</i>	<i>Catatan</i>
1-7-1993	3,221 (P2T22) (maksimum)		Pergerakan gaji melintang atas Gred M3.
1-9-1993	3,221 (P2T22) (Tiada pergerakan gaji yang diawalkan)	3,336 (P1T3)	Dinaikkan pangkat ke Gred M2. Penetapan gaji permulaan mengikut surat JPA di Lampiran 'A' .
15-11-1993	3,221 (P2T22)	3,336 (P1T3)	Tarikh surat kenaikan pangkat ke Gred M2.
1-7-1994		3,485 (P1T4)	Tarikh pergerakan gaji atas Gred M2. Layak

(Sekiranya
mendatar)

dipertimbangkan salah satu
daripada 4 cara pergerakan
gaji.

LAMPIRAN 'C2'

Contoh kaedah pelarasan gaji dan cara pergerakan gaji kenaikan pangkat anggota yang tidak sempat menerima pergerakan gaji atas gred jawatan lamanya.

Tarikh pergerakan gaji : 1 Julai

jawatan gred M3

Tarikh kenaikan pangkat ke : 1 Mac 1993

gred M2

Tarikh surat kenaikan : 15 April 1993

pangkat ke gred M2

<i>Tarikh</i>	<i>Gred M3</i>	<i>Gred M2</i>	<i>Catatan</i>
18 -1 -1993	2,917 (P1T21)		Diumumkan pergerakan gaji melintang atas Gred M3 pada 1 - 7 - 1993.
1 - 3 - 1993	2,917 (P1T21) [3221] (P2T22) (Diberi pergerakan gaji yang diawalkan)	3,336 (P1T3)	Dinaikkan pangkat ke Gred M2. Pergerakan gaji yang sepatutnya pada 1 - 7 - 1993 atas Gred M3 diawalkan kepada 1 - 3 - 1993 iaitu pada tarikh kenaikan pangkat ke Gred M2. Penetapan gaji permulaan dari M3: RM3221 (P2T22) yang diawalkan ke M2: RM3336 (P1T3) adalah mengikut surat JPA di

			<u>Lampiran 'A'</u>
15 - 4 -1993	2,917 (P1T21)	3,336 (P1T3)	Tarikh surat kenaikan pangkat ke Gred M2.
1 - 7 -1993	3,221 (P2T22)	3,336 (P1T3)	Keputusan pergerakan gaji melintang atas Gred M3 diawalkan kepada tarikh kenaikan pangkat ke Gred M2 pada 1 - 3 -1993.
1 -1 -1994		3,485 (P1T4) (Sekiranya mendatar)	Tarikh pergerakan gaji atas Gred M2. Layak dipertimbangkan salah satu daripada 4 cara pergerakan gaji.

LAMPIRAN 'C3'

Contoh kaedah pelarasan gaji dan cara pergerakan gaji kenaikan pangkat anggota yang tidak sempat menerima pergerakan gaji atas gred jawatan lamanya.

Tarikh pergerakan gaji jawatan
gred M3 : 1 Julai

Tarikh kenaikan pangkat ke
gred M2 : 1 Mac 1993

Tarikh surat kenaikan pangkat
ke gred M2 : 15 April 1993

<i>Tarikh</i>	<i>Gred M3</i>	<i>Gred M2</i>	<i>Catatan</i>
18-1-1993	3,027 (P1T22)		Matagaji maksimum di P1. Diumumkan pergerakan gaji mendatar atas Gred M3 sepatutnya pada 1-7-1993.
1-3-1993	3,027 (P1T22)	3,187 (P1T2)	Dinaikkan pangkat ke Gred M2. Tiada pergerakan gaji yang diawalkan kerana berada atas

	(Tiada Pergerakan gaji yang diawalkan)		matagaji maksimum di peringkat P1. Penetapan gaji permulaan dari M3: RM3027 (P1T22) ke M2: RM3187 (P1T2) adalah mengikut surat JPA di Lampiran 'A' .
15-4-1993	3,027 (P1T22)	3,187 (P1T2)	Tarikh surat kenaikan pangkat ke Gred M2.
1-7-1993	3,027 (P1T22)	3,187 (P1T2)	Tarikh pergerakan gaji mendatar atas Gred M3.
1-1-1994		3,336 (P1T3) (Sekiranya mendatar)	Tarikh pergerakan gaji atas Gred M2. Layak dipertimbangkan salah satu daripada 4 cara pergerakan gaji.

LAMPIRAN 'D'

Contoh pelarasan gaji dan cara pergerakan gaji anggota yang tarikh kenaikan pangkatnya ditetapkan selepas tarikh pergerakan gaji atas gred jawatan lamanya tetapi matagaji gred jawatan lama adalah lebih tinggi daripada matagaji jawatan kenaikan pangkat.

Tarikh pergerakan gaji
jawatan gred M3 : 1 Januari

Tarikh kenaikan pangkat ke
gred M2 : 1 Mei 1994

Tarikh surat kenaikan pangkat
ke gred M2 : 1 Mac 1995

<i>Tarikh</i>	<i>Gred M3</i>	<i>Gred M2</i>	<i>Catatan</i>
1 - 1 - 1994	2,917 (P1T21)		Pergerakan gaji mendatar atas Gred M3.
1 - 5 - 1994	2,917 (P1T21) (Tiada Pergerakan gaji yang diawalkan)	3,038 (P1T1)	Dinaikkan pangkat ke Gred M2. Penetapan gaji permulaan mengikut surat JPA di Lampiran 'A' .
1 - 1 - 1995	3,221 (P2T22)	3,221 (KUP)	Pergerakan gaji melintang atas Gred M3. Dibenarkan menerima gaji RM3,221 secara KUP dan layak mendapat imbuhan dan kemudahan atas Gred M2.

1 - 3 - 1995	3,221 (P2T22)	3,221 (KUP)	Tarikh surat kenaikan pangkat ke Gred M2 yang berkuatkuasa pada 1 - 5 - 1994.
1 - 4 - 1995		3,348 (P2T2)	Tarikh pergerakan gaji atas Gred M2. Diberi pergerakan gaji melintang mengikut keputusan PPG bagi tahun 1995 (1 - 1 - 1995) atas Gred M3.

LAMPIRAN 'E'

Contoh pelarasan gaji dan cara pergerakan gaji anggota yang tarikh kuatkuasa kenaikan pangkatnya dikebelakangan yang melibatkan 2 kali atau lebih pergerakan gaji atas gred jawatan lamanya.

Tarikh pergerakan gaji jawatan
gred DG3 : 1 April

Tarikh kenaikan pangkat ke
gred DG2 : 1 Mac 1993

Tarikh surat kenaikan pangkat
ke gred DG2 : 8 November 1994

<i>Tarikh</i>	<i>DG3</i>	<i>DG2</i>	<i>Catatan</i>
1 - 4 - 1992	2,979 (P1T25)		Matagaji maksima DG3 dan tarikh memangku Gred DG2.
1 - 3 - 1993	2,979 (P1T25) [3,171] (P2T25) (Diberi pergerakan gaji yang diawalkan)	3,424 (P1T4)	Dinaikkan pangkat ke Gred DG2. Pergerakan gaji yang sepatutnya pada 1 - 4 - 1993 atas Gred DG3 diawalkan kepada 1 - 3 - 1993 iaitu tarikh kenaikan pangkat ke Gred DG2. Penetapan gaji permulaan dari DG3: RM3171 (P2T25) yang diawalkan ke DG2: RM3424 (P1T4) adalah mengikut surat JPA di Lampiran 'A' .
1 - 4 - 1993	3,171 (P2T25)	3,424 (P1T4)	Pergerakan gaji menegak atas Gred DG3 diawalkan kepada tarikh kenaikan pangkat ke Gred DG2 (1-3-1993).

1 - 1 - 1994	3,171 (P2T25)	3,746 (P2T5)	Tarikh pergerakan gaji Gred DG2. Diberi pergerakan gaji melintang berdasarkan pergerakan gaji Gred DG3 pada 1 - 4 - 1994.
1 - 4 - 1994	3,378 (P3T25)	3,746 (P2T5)	Pergerakan gaji melintang atas Gred DG3.
8 - 11 - 1994	3,378 (P3T25)	3,746 (P2T5)	Tarikh surat kenaikan pangkat ke Gred DG2.
1 - 1 - 1995		3,898 (P2T6) (Sekiranya mendatar)	Tarikh pergerakan gaji dalam Gred DG2. Layak dipertimbangkan salah satu daripada 4 cara pergerakan gaji.